

17 SEP 2003

Cuepacs-Abdullah

CUEPACS TERUSKAN SOKONGAN KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sept 17 (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan terus memberi sokongan kepada kepimpinan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sama seperti yang telah diberi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya, Datuk N. Siva Subramaniam dalam satu kenyataan hari ini berkata usul sokongan terhadap kepimpinan Abdullah akan dibentangkan untuk kelulusan Mesyuarat Majlis Kongres Cuepacs yang akan bersidang pada 5 Okt ini.

"Pucuk pimpinan Cuepacs akan sama-sama turun ke padang untuk memberi penerangan dan meminta kerjasama serta sokongan para ahli kesatuan gabungan dalam hubungan ini," katanya.

Abdullah akan mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan selepas Dr Mahathir bersara dari jawatannya akhir bulan depan.

Semalam Perdana Menteri dalam satu jamuan makan malam meminta semua kakitangan kerajaan supaya menyokong Abdullah yang disifatkan sebagai "seorang pengganti yang berwibawa."

"Saya sedih meninggalkan kerajaan, tetapi saya ada seorang pengganti dalam Abdullah. Saya berharap kakitangan kerajaan dapat berkerja dengan beliau demi kemajuan negara yang berterusan," kata Dr Mahathir semalam.

Siva berkata Cuepacs telah melihat kebolehan Abdullah semasa beliau memegang jawatan Menteri Pendidikan dan juga sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Pemangku Perdana Menteri.

"Kita di Cuepacs amat puas hati dengan khidmat beliau selama ini. Kita juga tahu yang Abdullah akan terus membawa Malaysia ke taraf yang lebih tinggi," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH AZH